

PERSPEKTIF ISLAM TERHADAP REHABILITASI BUNUH DIRI

[ISLAMIC PERSPECTIVES ON SUICIDE REHABILITATION]

UMMUL MAISARAH MOHD ARIFFIN^{1*}, NAJIHAH ABD WAHID¹, ANAS MOHD YUNUS², ZURITA MOHD YUSOFF² & MOHD RAHIM ARIFFIN²

¹ Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 UniSZA Kampus Gong Badak, Terengganu, Malaysia.

² Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 UniSZA Kampus Gong Badak, Terengganu, Malaysia.

Corespondent Email: anajihah@unisza.edu.my

Received: 25 March 2022

Accepted: 11 April 2022

Published: 25 April 2022

Abstrak: Gejala bunuh diri telah mencatatkan peningkatan dalam tempoh pandemik COVID-19 yang lalu dengan angka yang membimbangkan semua pihak. Para sarjana Islam telah mengemukakan pelbagai panduan dalam memahami hukum bunuh diri serta cara menangani kecenderungan bunuh diri. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan, kertas kerja ini cuba mengupas beberapa pandangan tokoh sarjana Islam berkaitan gejala bunuh diri. Dapatkan kertas kerja ini menjelaskan bahawa tarbiyyah ruhiyyah berdasarkan psikospiritual Islam adalah tunjang utama yang mampu mencegah kecenderungan bunuh diri yang berleluasa pada hari ini.

Kata kunci: Sarjana, Islam, Panduan, Psikospiritual, Bunuh diri.

Abstract: Suicide symptoms have recorded an increase in the past COVID-19 pandemic period which had raises concerns of all parties. Islamic scholars have presented various guidelines in understanding the rulings of suicide as well as how to deal with suicidal tendencies. Using a qualitative approach through content analysis, this paper attempts to examine the views of Islamic scholars regarding the symptoms of suicide. The findings of this paper explain that tarbiyyah ruhiyyah based on Islamic psychospirituals is the main pillar that can prevent the rampant suicidal tendencies today.

Keywords: Scholars, Islam, Guidance, Psychospiritual, Suicide.

Cite This Article:

Ummul Maisarah Mohd Ariffin, Najihah Abd Wahid, Anas Mohd Yunus, Zurita Mohd Yusoff & Mohd Rahim Ariffin. (2022). Perspektif Islam terhadap Rehabilitasi Bunuh Diri [Islamic Perspectives on Suicide Rehabilitation]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(3), 1-12.

PENGENALAN

Gejala bunuh diri yang kian mencatatkan peningkatan saban tahun bukan lagi menjadi perkara yang asing. Ini kerana ia merupakan antara 10 penyebab kematian di dunia dalam kalangan masyarakat. Menurut Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO), terdapat lebih daripada 700 000 kes kematian setiap tahun yang memberi purata 1 kes bagi setiap 40 saat. Kes bunuh diri bukan hanya terjadi pada mereka yang menunjukkan simptom depresi secara terang-terangan, malah

boleh terjadi pada sesiapa sahaja. Malaysia berada di tangga ke-126 di dunia pada tahun 2019 berdasarkan statistik yang dibuat oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia dan laman sesawang *Suicide Rate by Country 2022*, dengan kadar bunuh 5.7 orang daripada 100 000 orang. Istilah bunuh diri diguna pakai apabila seseorang individu itu mengambil nyawanya sendiri dengan sengaja, secara sedar dan berniat untuk mati serta mencederakan diri sendiri (Hong Kok Pan & Mohammad Aziz Shah, 2018).

Bunuh diri sudah menjadi satu perlakuan yang tidak janggal lagi kerana hampir setiap hari pasti ada sahaja isu berkenaan ini dikeluarkan di media-media utama dalam mahupun luar negara. Malaysia juga adalah antara negara yang mencatatkan peningkatan peratusan kadar bunuh diri dari tahun ke tahun. Namun, negara dikejutkan lagi dengan peningkatan kes bunuh diri yang tinggi sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi mengekang penularan wabak Covid-19. Berdasarkan maklumat daripada Jabatan Mufti Negeri Perak (2021), antara penyebab berlakunya gejala bunuh diri sepanjang tempoh PKP adalah disebabkan tekanan hidup kerana kekangan kewangan dan kematian ahli keluarga akibat dijangkiti virus Covid-19. Selain itu, masalah rumah tangga, kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan serta tekanan dalam menguruskan pembelajaran PDPR anak-anak juga menjadi faktor penyumbang kepada tekanan yang mendorong kepada kecenderungan untuk membunuh diri.

Dalam agama Islam, perbuatan membunuh diri merupakan dosa besar yang dilarang disisi syarak. Allah SWT telah memberikan amaran keras kepada hamba-Nya daripada membunuh diri kerana diri mereka adalah milik Allah, bukan kepunyaan mutlak diri mereka sendiri. Justeru, perbuatan membunuh diri sendiri diibaratkan mereka mengkhianati amanah yang telah diberikan kepada mereka oleh Allah SWT (Khafidz, 2021). Terdapat pelbagai cara yang dilakukan oleh seseorang untuk membunuh dirinya sendiri. Antaranya termasuklah menggantung diri, terjun dari tempat yang tinggi, minum racun atau makan ubat-ubatan secara berlebihan, membakar diri dan sebagainya. Perbuatan ini jelas sekali memberikan kesan yang buruk bukan sahaja kepada diri sendiri, malahan memberi kesan yang mendalam kepada ahli keluarga dan sahabat handai yang ditinggalkan (Burhanuddin, 2020).

Meskipun terdapat pelbagai ujian dan cabaran dalam kehidupan seharian, setiap individu beragama Islam harus mempersiapkan diri dengan iman dan taqwa kepada Allah (Azizi et al., 2005). Keimanan dan keyakinan yang teguh dalam diri seseorang terhadap ketentuan Allah akan menjadi benteng buat dirinya daripada melakukan perkara yang tidak baik seperti membunuh diri. Perbuatan membunuh diri adalah perbuatan yang menunjukkan keputusasaan dengan rahmat Allah dan tidak yakin dengan setiap ketentuan-Nya (Zulkifli, 2016). Perbuatan tersebut juga akan menghalang dirinya daripada syurga Allah SWT sebagaimana hadis Nabi Muhammad SAW:

“Pada umat sebelum kalian, terdapat seseorang yang tercedera, dia tidak dapat menahan kesakitan lalu dia mengambil pisau lalu memotong tangannya. Darah berterusan mengalir sehingga dia mati. Allah berkata: Hambaku telah menyegerakan untuk mati, Aku telah mengharamkan ke atasnya syurga.

[HR Bukhari 3463]

Ia juga dapat dibuktikan dengan firman-Nya dalam surah an-Nisa' yang menyebut akan dosa syirik yang tidak akan sekali-kali mendapat pengampunan daripada Allah. Akan tetapi, dosa-dosa selain daripada syirik akan ditentukan melalui kehendak Allah SWT.

“Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekuat-Nya (dengan sesuatu apa jua) dan akan mengampunkan dosa yang lain daripada itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya.”

(Surah an-Nisa': 48)

PANDANGAN TOKOH ISLAM BERKAITAN GEJALA BUNUH DIRI DAN REHABILITASI BUNUH DIRI

Setiap agama menetapkan larangan bagi penganutnya untuk membunuh diri. Sebagai contoh, tradisi agama Yahudi yang memberi penekanan terhadap kesucian nyawa dan menganggap perbuatan membunuh diri adalah sebagai satu dosa yang sangat serius. Perbuatan membunuh diri amat dilarang oleh undang-undang Yahudi tanpa ada sebarang pengecualian. Perbuatan tersebut tidak dapat diterima sebagai salah satu pilihan utama dalam mengeluarkan seseorang daripada segala permasalahan yang menimpa dirinya meskipun keadaan sekeliling yang memaksa berbuat sedemikian (Novel, Noor Suleeyia, Nurhafizah & Mohd Fuad, 2020). Bagi semua agama yang ada di dunia, membunuh diri dianggap satu perkara yang tidak baik. Ajaran Islam menanamkan dalam jiwa setiap insan bahawa Pencipta yang mempunyai kuasa terhadap hidup dan urusan manusia. Sekiranya pemahaman konsep ini tidak dipatuhi, ia akan menyebabkan seseorang itu ter dorong untuk melakukan perbuatan dosa dan zalim serta mendapat balasan selamanya. Pemahaman kolektif dari kitab suci al-Quran dan syariah menegaskan tindakan untuk membunuh diri dalam Islam adalah perbuatan yang terkutuk manakala perbuatan menjaga nyawa adalah perbuatan yang mulia dan dituntut.

Menurut Nur Ba'yah et al., (2018), kadar membunuh diri yang rendah di kebanyakan negara Islam dapat diterangkan melalui konsep kehidupan dan pandangan terhadap membunuh diri dalam konteks ajaran Islam sendiri. Komitmen keagamaan dalam Islam dan kepatuhan terhadap struktur-struktur normatif kolektivisme yang merangkumi matlamat-matlamat kolektif, tingkah laku tidak egoistik, masyarakat bersifat kekeluargaan dan komuniti kohesif mungkin penting untuk dititikberatkan dalam konteks ini (Shah & Chandia, 2010). Kadar membunuh diri yang rendah boleh dijelaskan melalui pemahaman konsep kehidupan dalam Islam melalui epistemologi Pemikiran Islam (contohnya, al Quran, hadis dan syariah) kerana konsep bunuh diri berkait rapat dengan konsep kehidupan dalam Islam.

Islam menganggap perbuatan membunuh diri sebagai satu kesalahan jenayah terhadap nyawa yang terangkum ke dalam kesalahan Jenayah Qisas. Islam, serupa dengan agama-agama Nabi Ibrahim yang lain yang memperlihat bunuh diri sebagai suatu dosa yang amat menjelaskan perjalanan rohaniah seseorang (Sasbadi, 2019). Dalam konteks membunuh diri juga, Islam sama sekali tidak mengharuskan sesiapapun untuk membunuh diri, walau bagaimana sekalipun keadaan atau masalah yang dihadapi oleh seseorang. Ini kerana umat Islam harus sedar bahawa nyawa yang kita punyai ini adalah milik Allah, dan manusia tidak layak untuk mengambil nyawanya sendiri (Noor Izzati et al., 2019).

Bagi mereka yang diuji dengan tekanan hidup yang berat seperti masalah kewangan dan masalah kekeluargaan, pastinya mereka akan mudah untuk merasa tertekan dan hilang punca dalam melayari bahtera kehidupan. Oleh sebab itu, mereka cuba mengambil jalan pintas untuk menyelesaikan masalah dengan membunuh diri. Di sisi agama Islam, bukan sahaja perbuatan membunuh diri itu adalah haram, malahan mempunyai cita-cita untuk mati disebabkan masalah yang dihadapi juga tidak dibenarkan (Zulkifli, 2016). Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Maksudnya: “Janganlah mengharapkan kematian kerana tertimpa musibah dunia, jika terpaksa, maka hendaklah ia mengucapkan: ‘Ya Allah panjangkan hidupku, jika kehidupan itu lebih baik bagiku, dan wafatkanlah aku jika kematian itu lebih baik bagiku’!”

(HR al-Bukhari, no. 5671, dan al-Nasa'i, no. 1820)

Sekiranya seseorang merasakan tidak kuat untuk menjalani kehidupan yang penuh dengan cabaran itu, mereka sewajarnya meningkatkan doa dan memperbanyak sujud di hadapan Allah. Ini kerana pengaduan kepada Allah al-Khaliq adalah sebaik-baik tempat penyerahan hamba.

Pandangan Sheikh Yusuf al-Qaradawi

Sheikh Yusof al-Qaradhawi di dalam kitab karangan beliau iaitu *Al-Halal wa al-Haram* (1960), telah memberi penegasan terhadap isu bunuh diri ini. Sesiapa yang membunuh dirinya dengan apa cara sekalipun, sama seperti dia telah membunuh dirinya yang diharamkan oleh Allah SWT tanpa sebarang hak. Manusia sebagai hamba sememangnya tidak mempunyai hak keatas dirinya kerana manusia tidak menciptakan dirinya sendiri. Diri seseorang itu adalah amanah daripada Allah, dan seharusnya amanah tersebut dijaga sebaik mungkin (Razif, 2016). Kefahaman agama yang kurang menyebabkan mereka mampu bertindak di luar kawalan dan melakukan perbuatan yang melampaui batas sebagai makhluk. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Nisa', ayat 29 yang bermaksud:

‘Dan janganlah kamu membunuh dirimu. Sesungguhnya Allah Maha Penyayang kepadamu’

(Surah Al-Nisa', ayat 29)

Beliau turut menyebut satu kaedah syara' yang penting, iaitu:

أَنَّ الْحُكْمَ بَعْدَ الْإِبْتِلَاءِ بِالْفِعْلِ عَيْرُ الْحُكْمِ قَبْلَ الْإِبْتِلَاءِ بِهِ

“Bahwasanya sesuatu hukum itu adalah selepas ujian dengan perbuatan bukan hukum sebelum ujian dengannya.”

Al Qaradawi (2001) dalam kitabnya *Min Hadyi al-Islam wa al-Mu'asarah* menyebut tentang tindakan bom bunuh diri yang berlaku di al-Quds, Asqalan dan Tel Aviv yang telah

menyebabkan banyak orang Israel terbunuh. Perkara tersebut telah menimbulkan pertanyaan tentang isu bunuh diri sama ada ia dianggap sebagai syuhada (mati syahid) atau dikategorikan sebagai bunuh diri. Ia turut menimbulkan persoalan masyarakat sama ada perbuatan tersebut turut termasuk dalam perkara yang dilarang oleh Allah SWT ataupun tidak.

Dalam fatwa Yusuf al-Qaradawi (2001), beliau memberi penegasan bahawa tindakan melakukan bom bunuh diri itu sebagai salah satu jalan dan cara untuk berjihad di jalan Allah sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah SWT dalam surah al-Anfal ayat 60. Hal ini menunjukkan sisi pandang al-Qaradawi yang menyokong tindakan tersebut kerana ia dianggap sebagai salah satu jihad yang mulia. Tindakan para pemuda Palestin yang bertindak sebagai bom bunuh diri turut dikategorikan kepada perbuatan untuk mendapatkan mati syahid oleh beliau (Busyro, 2016). Tindakan ini juga akan menggentarkan musuh-musuh Islam yang melihat kesungguhan umat Islam dalam mempertahankan kesucian agama mereka. Perbuatan ini juga dikatakan berbeza dengan perbuatan membunuh diri yang dilihat hanya ingin menamatkan riwayat hidup diri sendiri tanpa mempunyai niat untuk mempertahankan agama. Al-Qaradawi (2001) menyebut bahawa seseorang yang melakukan tindakan bom bunuh diri adalah seseorang yang berkorban untuk kepentingan agama dan umatnya. Sebaliknya, seseorang yang membunuh diri sendiri itu adalah seseorang yang telah berputus asa terhadap rahmat dan pertolongan Allah.

Kenyataan tersebut menunjukkan bahawa al-Qaradawi (2001) menganggap tindakan bom bunuh diri itu sebagai tindakan untuk mendapatkan mati syahid. Menurut beliau, cara itu dilihat dapat menggentarkan musuh Islam yang mempunyai kekuatan dan kelengkapan senjata yang lebih besar berbanding umat Islam. Beliau turut mengutip beberapa pandangan ulama daripada mazhab yang berbeza seperti al-Thabari (w.310 H), al-Qurtubi (w.671 H), ibnu Taimiyah (w. 728 H), al-Syaukani (w.1250 H) dan ibnu Kathir (w.774 H). Pendapat-pendapat tersebut berkisar kepada makna ‘menjatuhkan diri ke dalam kebinasaan’ yang terdapat dalam Surah al-Baqarah ayat 195 iaitu:

“Infakkanlah olehmu hartamu di jalan Allah, dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu ke dalam kebinasaan”.

Antara pendapat tersebut adalah daripada ibnu Taimiyah yang menyebut bahawa keempat Imam Mazhab pada dasarnya memboleh seseorang Muslim itu untuk menyerang tentera kafir secara bersendirian meskipun terdapat risiko akan terbunuh dalam peperangan itu. Hal ini boleh dilakukan sekiranya ia memberi manfaat dan maslahat kepada agama Islam dan umat Islam (Busyro, 2016).

Namun begitu, jika melihat kepada kemaslahatan yang ingin diwujudkan oleh agama Islam sebagai agama yang membawa rahmat, kemaslahatan itu dilihat bertentangan dengan nas dan diharamkan oleh kebanyakan ulama (Busyro, 2016). Data-data terdahulu masih belum menunjukkan bahawa terdapat penambahan terhadap bilangan orang yang memeluk Islam disebabkan tindakan bom bunuh diri itu. Tindakan tersebut bukan sahaja akan membuatkan musuh Islam bertambah marah, malah mereka berkemungkinan akan membunuh sesiapa sahaja yang berada di hadapan mereka.

Oleh itu, al-Qaradawi (2001) sememangnya membolehkan tindakan bom bunuh diri ini berdasarkan hujah-hujah beliau yang terdahulu yang melihat ia sebagai satu tindakan yang

mulia dan mendatangkan kebaikan kepada agama Islam. Berdasarkan pemerhatian juga, fatwa tersebut telah dijadikan sebagai salah satu faktor dalam memotivasi pejuang Islam untuk melakukan bom bunuh diri dan berkorban demi mempertahankan agama. Meskipun begitu, fatwa beliau berkaitan bom bunuh diri ini dilihat tidak bersesuaian dengan teori maqasid syariah yang turut menekankan elemen menjaga nyawa dalam kehidupan (Hayatullah, 2012). Hal ini kerana mengutamakan *maslahat* dan menolak *mafsadah* adalah salah satu prinsip utama yang diketengahkan dalam teori maqasid syariah. Meskipun fatwa tersebut dilihat mengutamakan kemaslahatan, namun ia tidak dapat dibandingkan dengan kemudarat yang lebih besar yang akan berlaku akibat daripada tindakan tersebut. Setiap kemaslahatan yang tertegak di atas dasar memelihara agama masih belum sampai kepada tahap untuk seseorang itu mengorbankan nyawanya sendiri dan dikhuatiri tindakan tersebut akan mengundang *mafsadah* yang lebih besar dan kemurkaan daripada Allah SWT.

Pandangan Sheikh Ali Jum'ah

Bekas Mufti Besar Mesir iaitu Sheikh Ali Jum'ah (2021) menyatakan pendapat beliau bahawa seseorang yang membunuh diri bukanlah orang yang kafir. Meskipun begitu, orang yang telah membunuh dirinya sendiri adalah orang yang munafik. Ini kerana perbuatan tersebut adalah perbuatan yang tidak baik kerana seseorang itu diibaratkan melemparkan dirinya sendiri di hadapan Allah SWT. Namun, walaupun perbuatan tersebut tidak menjadikan seseorang itu kafir, perbuatan tersebut tetap dihukum sebagai haram dan berdosa besar. Sesiapa sahaja yang telah melakukan dosa besar pastinya akan mendapatkan balasan daripada Allah SWT. Beliau turut mengingatkan masyarakat agar tidak mudah membuat penilaian sendiri terhadap orang yang telah membunuh dirinya. Sesungguhnya Allah SWT sangat mencintai hamba-hamba-Nya. Dia lebih mengetahui tujuan dan sebab di atas tindakan tersebut dan memahami akan penderitaan yang dialami oleh hamba-Nya sama ada disebabkan masalah mental atau sebaliknya (Zahrotul, 2021).

Sheikh Ali Jum'ah (2021) turut menekankan bahawa jenazah orang yang meninggal dunia akibat bunuh diri berhak untuk menerima layanan seperti jenazah yang lain seperti proses memandikan, mengafankan dan doa. Doa orang ramai juga amat diperlukan oleh mereka dalam mendapatkan keampunan daripada Allah SWT. Meskipun Nabi SAW tidak bersolat ke atas jenazah orang yang membunuh diri, namun para sahabat tetap disuruh melaksanakannya. Tuntutan menyempurnakan jenazah yang antaranya solat tidak gugur samasekali. Fardu kifayah ini sekiranya tidak dibuat oleh sekumpulan orang, seluruh masyarakat di tempat itu akan menanggung dosa. Daripada Jabir bin Samurah, beliau berkata: didatangkan kepada Nabi SAW seorang lelaki yang membunuh dirinya dengan anak panah yang bermata lebar lalu Baginda tidak bersolat terhadapnya (Muslim, 2006). Ini menjelaskan pandangan yang meletakkan hukum sunat kepada pemimpin, alim ulama, tokoh masyarakat untuk tidak menghadiri solat jenazah yang diadakan terhadap si mati yang membunuh diri. Oleh itu, hal ini akan menimbulkan ketakutan dalam diri orang ramai untuk melakukan perbuatan tersebut sekaligus menjauhi perbuatan terkutuk ini.

Pandangan Mantan Mufti Wilayah Persekutuan Zulkifli al-Bakri

Secara asasnya, Zulkifli al-Bakri (2016) yang merupakan mantan Mufti Wilayah Persekutuan dan mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah mengeluarkan fatwa bahawa membunuh diri itu adalah haram dan berdosa besar. Zulkifli (2016) menyatakan bahawa gejala bunuh diri adalah dosa besar yang dimaafkan dalam Islam berdasarkan huraiyan ayat dalam Surah al-An'am ayat 151:

“Katakanlah: “Marilah, supaya aku bacakan apa yang telah diharamkan oleh Tuhan kamu kepada kamu, iaitu janganlah kamu sekutukan dengan Allah sesuatupun; dan hendaklah (kamu) membuat baik kepada ibu bapa; dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana kepapaan, (sebenarnya) Kamilah yang memberi rezeki kepada kamu dan kepada mereka; dan janganlah kamu hampiri kejahatan-kejahatan (zina) – yang terang daripadanya dan yang tersembunyi; dan janganlah kamu membunuh jiwa yang telah diharamkan Allah (membunuhnya) melainkan dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh Syarak). Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu memahaminya.”

(Surah al-An'am: 151)

Hal ini dikuatkan lagi dengan hujah dari hadis riwayat Bukhari (3463) yang menyebut bahawa:

“Pada umat sebelum kalian, terdapat seseorang yang tercedera, dia tidak dapat menahan kesakitan lalu dia mengambil pisau lalu memotong tangannya. Darah berterusan mengalir sehingga dia mati. Allah berkata: Hambaku telah menyegerakan untuk mati, Aku telah mengharamkan ke atasnya syurga.”

Dalam menghuraikan hadis tersebut, Jundub RA telah menghuraikan hadis tersebut dengan memberi penegasan yang menunjukkan bahawa mereka yang membunuh diri tidak dimasukkan ke dalam syurga. Hadis tersebut disifatkan oleh beliau sebagai hadis yang memberi ancaman yang keras terhadap pembunuh diri. Imam Nawawi dalam syarah kitab al-Minhaj menyatakan bahawa orang yang membunuh dirinya dengan sesuatu, maka dia akan diazab seperti mana dia membunuh dirinya di dalam neraka, dan dia tidak akan masuk ke syurga melainkan dirinya muslim. Hal ini dikuatkan lagi dengan hujah daripada sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA yang menyebut bahawa;

“ Sesiapa yang membunuh diri dengan besi, maka di neraka jahanam nanti besi itu selalu di tangannya, ia menusuk-nusukannya ke perutnya selama-lamanya. Dan barangsiapa bunuh diri dengan meminum racun, maka di neraka jahanam nanti ia akan terus meminumnya selama-lamanya. Dan barangsiapa bunuh diri dengan menjatuhkan diri dari gunung, maka di neraka jahanam nanti, ia akan menjatuhkan (dirinya) selama-lamanya”

(Sahih Muslim: 109).

Kenyataan tersebut turut bertepatan dengan hadis Bukhari (6047) dan Muslim (110) yang turut menyebut bahawa orang yang membunuh diri akan mengulangi perbuatan tersebut di akhirat nanti.

“Sesiapa yang membunuh diri dengan sesuatu cara, pada hari kiamat kelak dia akan diseksa dengan cara seperti itu pula.”

(HR Bukhari dan Muslim)

Namun demikian, seandainya cubaan membunuh diri itu hadir dalam bentuk lintasan hati, ia dimaafkan oleh syarak. Zulkifli (2022) menyebut antara perkara dan urusan yang dimaafkan oleh syarak adalah perkara yang berbentuk lintasan hati dan lafaz kufur seperti mempertikaikan kewujudan Allah SWT, peranan-Nya, mahupun pertikaian kepada syariat Allah SWT. Seandainya rasa ragu tersebut berpunca daripada lintasan di dalam hati atau bisikan-bisikan syaitan yang mengganggu (skizofrenia), maka perkara tersebut tidaklah membatalkan iman seseorang selagimana ia tidak mempengaruhi iman seseorang. Begitu juga dalam keadaan seseorang mempunyai lintasan hati untuk membunuh diri sebagaimana yang dialami oleh segelintir pesakit. Jika seseorang itu mempunyai penyakit mental atau kurang waras, taklifan tersebut terangkat daripada dirinya.

Dalam laman sesawang Maktabah al-Bakri, Zulkifli al-Bakri (2022) menjelaskan bahawa menjaga nyawa adalah elemen kedua yang terpenting mengikut keutamaan untuk dijaga selepas elemen memelihara agama. Meskipun orang Islam yang telah membunuh diri masih dianggap sebagai Muslim dan jenazahnya diperlakukan sebagai jenazah Muslim, ia tetap mempunyai kesan yang amat buruk dalam kehidupan seseorang. Agama Islam tidak menjadikan cubaan membunuh diri sebagai satu jenayah berat yang memerlukan kepada hukuman yang berat. Ini kerana jenayah bagi cubaan membunuh diri tidak pernah dibincangkan dalam mana-mana kitab fiqah.

Oleh itu, berdasarkan dalil-dalil dan hujah yang dikemukakan oleh Zulkifli al-Bakri (2022), antara perkara yang dapat disimpulkan termasuklah hukum membunuh diri itu adalah berdosa besar. Agama Islam amat tegas dalam melarang perbuatan membunuh diri, sama ada membunuh orang lain bagi menyelamatkan nyawa atau membunuh diri sendiri. Namun begitu, seseorang yang telah membunuh diri masih dianggap sebagai Muslim dan jenazahnya harus diperlakukan sebagaimana jenazah Muslim dari setiap aspek pengurusan jenazah dalam Islam. Selain itu, daripada sudut pandang perundangan Islam, seandainya seseorang itu mempunyai gangguan pada mentalnya, dia tidak akan dihukum seandainya dia melakukan jenayah. Hal ini kerana taklifan telah terangkat daripada dirinya disebabkan gangguan mental yang dialaminya. Islam juga memberikan keringanan dan kemaafan terhadap perkara yang hanya melibatkan lintasan hati tanpa disusuli dengan perlakuan tersebut. Seseorang yang mempunyai lintasan hati untuk membunuh diri dimaafkan oleh syarak selagimana dia tidak benar-benar melakukannya (Fadzli, 2020).

RUMUSAN PANDANGAN SARJANA DAN PENDEKATAN ISLAM

Daripada pembentangan kertas kerja ini, dapat disimpulkan bahawa ketiga-tiga para sarjana di atas berpegang dengan hukum bahawa membunuh diri itu merupakan dosa besar. Namun,

terdapat beberapa perkara yang dimaafkan oleh syarak sebagaimana yang telah dijelaskan sebelumnya. Agama Islam meletakkan kekuatan penghayatan agama atau boleh disebut sebagai psikospiritual Islam sebagai teras utama dalam membendung gejala bunuh diri. Amalan-amalan dan kepatuhan dalam hidup bersyariat adalah kunci utama dalam menghindari kecenderungan bunuh diri. Kenyataan ini disokong dengan kata-kata Hamka, yang menyebut bahawa:

“Kerumitan serta masalah yang dihadapi oleh manusia di muka bumi ini tidak mungkin dapat ditanggung melainkan mengubati penyakitnya dengan kebenaran agama” (Paramita, 2015).

Ketaqwaan adalah menjadi kunci utama untuk menghalang diri daripada melakukan perkara yang ditegah dalam agama. Dengan adanya rasa takut dengan Allah SWT, manusia tidak akan mudah ter dorong untuk melakukan perkara-perkara yang tidak bermoral (Khazri & Siti Rugayah, 2014).

Kaedah psikospiritual Islam adalah dengan menanamkan rasa *al-khauf* dalam diri, iaitu rasa takut kepada al-Khaliq melalui amalan-amalan taqarrub yang istiqamah dalam kehidupan seharian (Khairul Hamimah et al., 2017). Menurut Imam al-Ghazali, *khauf* adalah suatu getaran dalam hati ketika ada perasaan akan menemui hal-hal yang tidak disukai.

Rasa takut itu hakikatnya adalah kerisauan hati mengenai akan terjadi sesuatu yang dibenci, yang tidak disukai atau kehilangan sesuatu yang disayangi di masa akan datang. Perasaan itulah yang dikatakan takut. Dan rasa takut ini juga yang menjadi naluri semulajadi manusia. Setiap hamba memiliki rasa takut yang melekat pada dirinya. Namun rasa takut ini, boleh menjadi musuh dan sumber motivasi atau kekuatan, bergantung di mana diletakkan rasa takut itu. Apabila kita mendalami rasa takut ini, ternyata puncak rasa takut seorang hamba adalah kepada pencipta-Nya, Allah S.W.T. Dan ini adalah puncak ibadah seorang hamba. Dalam bahasa Arab, rasa takut dikenali sebagai *al-khauf* (Harakah Daily, 2021).

Sejarah dengan syariat dan tuntutan agama, antara salah satu kaedah rehabilitasi bagi gejala bunuh diri adalah dengan berusaha untuk mempertingkatkan amalan untuk mendekatkan diri kepada Tuhan, dengan memperbanyakkan ibadah dan zikir. Ini kerana Islam meyakini bahawa ketenangan jiwa itu datangnya daripada pemilik jiwa itu sendiri (Fariza 2016; Hadi 2021; Haifa Younis 2022). Zikir juga adalah satu amalan yang disyariatkan dalam Islam. Perintah supaya melaksanakan zikir ditemui dalam banyak ayat-ayat al-Qur'an dan juga hadis Nabi s.a.w. Ia adalah satu amalan yang disuruh supaya diperbanyakkan tanpa ada halangan dan keterikatan dengan syarat-syarat tertentu untuk diamalkan sebagaimana ibadah-ibadah lain seperti solat, puasa dan sebagainya. Ia adalah rahsia dan penghubung secara langsung antara hamba dengan Tuhannya (Abdul Manam, 2019).

Setiap mukmin yang melazimi zikir akan memperoleh manfaat dan ketenangan dalam hidupnya. Zikir bukan hanya sekadar ibadah, tetapi ia juga merupakan amalan yang boleh membersihkan dan menyucikan jiwa manusia, mendekatkan diri kepada penciptanya, membuka hijab rohani dan seterusnya mencapai ma`rifat terhadapNya (Abdul Manam, 2019). Elemen ini sangat penting dalam membantu merawat jiwa seseorang yang berada dalam keadaan tertekan, agar tidak mendorong dirinya melakukan perbuatan yang terkutuk dan menyalimi dirinya sendiri. Antara salah satu zikir yang digalakkan adalah dengan menyebut "subhanallah wa

bihamdihi",

مَنْ قَالَ: سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ، فِي يَوْمٍ مِنْهُ مَرَّةً، حُطِّتْ خَطَايَاهُ، وَإِنْ كَانَتْ مِثْنَ زَيْدَ الْبَحْرِ

Maksudnya: "Dan, barang siapa yang membaca subhanallah wabihamdihi setiap hari sebanyak 100 kali, maka baginya akan dihapuskan segala dosa walaupun dosanya itu laksana buih di lautan" (Muttafaq alaih).

Para Sarjana Islam telah menjadikan Al-Quran dan as Sunnah sebagai rujukan utama dalam setiap kajian mereka dan ia bertepatan dengan tuntutan dan saranan syarak. Para sarjana Islam seperti al-Shafie dan al-Ghazali telah bersetuju bahawa segala permasalahan jiwa seperti stres berpunca daripada kualiti hubungan seseorang individu dengan Tuhannya dan sesama manusia (Rosni, Abur Hamdi, Norsaleha, Suriani, Abdul Hadi & Syamim, 2019). Al-Ghazali telah memberikan sumbangan dan manfaat yang besar dalam bidang tasawuf Islam melalui karya beliau iaitu *Al-Arbain fi Usul* (al-Ghazali, 1964). Dalam kitab tersebut, beliau menjadikan al-Quran dan Sunnah sebagai sumber rujukan dalam apa-apa sahaja pemikiran beliau berkenaan tasawuf. Hal yang demikian telah menjadikan kitab itu mempunyai nilai yang sangat tinggi.

Oleh itu dalam Islam, tekanan mental yang dialami oleh seseorang hanya boleh diatasi dengan memperbaiki hubungan dengan Tuhan di samping menjaga hubungan baik sesama manusia, iaitu berasaskan kepada konsep "*hablum minallah wa hablum minannas*". Ini dapat dilihat pada kisah Nabi Yaakob a.s dalam Surah Yusuf:86 yang telah meletakkan pengharapan yang tinggi kepada Allah. Disebabkan pengharapan dan kebergantungan yang tinggi kepada-Nya, Allah telah menghilangkan segala kesedihan dan kesusahan yang beliau alami (Fariza, 2016).

Ini dapat dijadikan bukti bahawa Allah adalah sebaik-baik tempat manusia mengadu segala kelemahan dan kesulitan yang dialami dalam kehidupan seharian. Oleh itu sebagai hamba-Nya kita hendaklah sentiasa mentaati segala perintah Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Kita juga hendaklah sentiasa mengingati-Nya kerana Allah Maha Mengetahui setiap tingkah laku manusia dan isi hati manusia. Hal ini jelas berkait rapat dengan hati nurani, perasaan dan emosi manusia yang mempengaruhi setiap tingkah laku dan perbuatan yang dilakukan. Ternyata semuanya bergantung kepada hati (*al-qalb*) yang merupakan pusat segala ketenangan mahupun kecelaruan jiwa manusia. Kajian yang berkaitan dengan kejiwaan dalam Islam telah dipelopori oleh al-Ghazali yang dianggap sebagai reformis dan sufi Islam yang terkenal. Menurut beliau, kebahagiaan sebenar seseorang manusia ialah apabila tingkah laku hidupnya mendapat keredhaan Allah.

KESIMPULAN

Sebagai rumusan, kertas kerja ini telah membentangkan beberapa pandangan sarjana Islam berkaitan bunuh diri dan kaedah rehabilitasi yang sesuai dalam merawat kecenderungan bunuh diri. Dapatan awal dari kertas kerja ini merumuskan bahawa hukum membunuh diri menurut agama Islam adalah haram dan berdosa besar. Selain itu, kertas kerja ini turut membentangkan kaedah rehabilitasi Islam yang berkonsepkan psikospiritual dengan garapan elemen-elemen

kejiwaan dalam diri. Pendekatan Islam lebih menjurus pada nilai psikospiritual dan taqarrub pada Allah di samping hubungan dengan Pencipta yang mampu membendung gejala bunuh diri. Diharap kertas kerja ini dapat memberi sedikit sumbangan dan pengetahuan kepada masyarakat berkaitan bunuh diri serta kaedah rehabilitasi yang bersesuaian dalam menyelesaikan masalah kecenderungan bunuh diri.

PERAKUAN

Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada projek penyelidikan Fundamental Grant Research Scheme (FRGS) yang bertajuk Pembinaan Kaedah Rehabilitasi Kecenderungan Bunuh Diri Berasaskan Psikospiritual Imam al-Shafie di bawah kod (FRGS/1/2019/SSI03/UNISZA/02/9) yang dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan diuruskan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CREIM), Universiti Sultan Zainal Abidin di Terengganu, Malaysia.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abdul Manam. 2019. Zikir dan Peranannya dalam Pembentukan Sakhsiah. Jabatan Mufti Negeri Sembilan. <https://muftins.gov.my/2019/04/19/zikir-dan-peranannya-dalam-pembentukan-sakhsiah/>

Ame Husna Kamin, Salleh Amat. 2015. Persepsi Kaunselor Terhadap Isu Bunuh Diri dan Idea Membunuh Diri : Satu Analisa. *Jurnal USM* 541-549.

Asmah Ismail. 2012. *Bimbangan dan Kaunseling: Maklumat dan Panduan*. Selangor: FAR Azizi Yahya, Cathy Suhaila Abdullah, Roslee Ahmad & Sharifuddin Ismail. 2005. *Punca dan Rawatan: Kecelaruan Tingkah Laku*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publisher.

Burhanuddin Jalal. 2020. *Membunuh Diri Perbuatan Terkutuk*. Berita Tentera. Darat Malaysia: Universiti Pertahanan Nasional Malaysia Publishers.

Fariza Md. Sham. 2016. Elemen Psikologi Islam Dalam Silibus Psikologi Moden: Satu Alternatif. *Global Journal al-Thaqafah* 6(1): 75.

Al-Ghazali. 1964. *Al-Munqidh Min al-Dalal*. Kaherah: Maktabat al-Misriyyah.

HarakahDaily. 2021. Khauf (Takut Kepada Allah).

Hong Kok Pan & Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip. 2018. Inventori Kecenderungan Bunuh Diri . *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 8(2): 475-489.

<https://kpkesihatan.com/2019/09/10/kenyataan-akhbar-kpk-10-september-2019-sempena-hari-pencegahan-bunuh-diri-sedunia-bersama-mencegah-bunuh-diri/>

<https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/1124-bayan-linnas-siri-74-tekanan-hidup-yang-membawa-bunuh-diri-hukum-dan-penyelesaiannya>.

Khairul Hamimah Mohd Jodi, Faridah Che Hussain. 2017. Bunuh Diri; Tekanan, Desakan atau Kecelaruan?. *Jurnal YADIM* 56-58.

Maniam Thambu. 2010. Hidup atau Mati: *Masalah Bunuh Diri di Malaysia dari Perspektif Psikiatri*. Bangi: Penerbit UKM.

Maris, R.W., Berman, A.L, Silverman, M.M. & Bongar, B.M. 2000. *Comprehensive Textbox of Suicidology*. Belmot: Guilford Press.

Mohamad Razif. 2016. Bayan Linnas Siri Ke-74: Tekanan Hidup Yang Membawa Bunuh Diri: Hukum Dan Penyelesaiannya.

- Mohd Fadzli Mohamad Isa. 2020. Bunuh Diri Bukan Satu Jenayah. Retrieved from Astro Awani: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bunuh-diri-bukan-satu-jenayah-254270>.
- Mohd Khafidz Soroni. (2021, Julai 4). Bunuh Diri Dosa Besar, Khianati Amanah.
- Muhammad al-Ghazali. 1987. *Jaddid Hayatuka*. Kaherah : Dar al-Qalam.
- Najihah Abd Wahid, Syed Hadzrullathfi Syed Omar, Anas Mohd Yunus, Fadzli Adam & Nor Hafizah. 2017. The Sufism Thoughts of Imam al-Shafi'i: A Critical Analysis from the Diwan al-Shafi'i. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 7(5): 358-3364.
- Noor Izzati Mohd Zawawi, Fariza Md.Sham & A'dawiyah Ismail. 2019. Stres Menurut Sarjana Barat dan Islam. *International Journal of Islamic Thought* 16(dec): 85-97.
- Novel Lyndon, Noor Suleeyia Sulaiman, Nurhafizah Yusoff & Mohd Fuad Mat Jali. 2020. Naratif Sosiologi Tingkah Laku Bunuh Diri Dalam Kalangan Warga Emas. *Jurnal Akademika 90* Isu Khas (1): 75-86.
- Nur Muhammad Hadi Zahalan. 2021. Orang yang bunuh diri akan mengulangi perbuatan itu dalam neraka selama-lamanya. Berdoalah kepada Allah jika hadapi tekanan hidup. Retrieved from Mstar.com : <https://www.mstar.com.my/xpose/ad-din/2021/06/28/orang-yang-bunuh-diri-akan-mengulangi-perbuatan-itu-dalam-neraka-selama-lamanya-berdoalah-kepada-allah-jika-hadapi-tekanan-hidup>.
- Rezki Perdani Sawai & Joki Perdani Sawai. 2021. Pemikiran Bunuh Diri Dalam Kalangan Lelaki Gay Yang Mengalami Kemurungan: Satu Kajian Kes. *Universiti Sains Islam Malaysia* 25(2): 145-160.
- Rosni Wazir, Abur Hamdi Usman, Norsaleha Mohd Saleh, Suriani Sudi, Abdul Hadi Awang & Syamim Zakwan Rosman. 2019. Model Terapi Psikospiritual Islam untuk Pencegahan Dadah Golongan Berisiko Menurut al-Ghazali. *5th International Seminar on Islamiyyat Studies (IRSYAD 2019)*. International Islamic University College, hal. 60-75.
- Sasbadi. 2019. *Pendidikan Islam. Bab 11 : Dosa-Dosa Besar yang Membawa Kemurkaan Allah*. t.tp.: Sasbadi.
- Siti Norma Aisyah Molkan@Malkan & Salleh Amat. 2018. Pengetahuan dan Kefahaman Pelajar Kolej Terhadap Niat Bunuh Diri. *Jurnal Hadhari* 10(1): 29-48.
- Tanner, O. 1977. *Stress*. Netherland: Time Life International.
- World Health Organization (WHO). 2016. Comprehensive Mental Health Action Plan 2013–2020. http://www.who.int/mental_health/action_plan_2013/en/. Retrieved on: 2 June 2020.
- Yusof al-Qaradhawi. 1960. *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Beirut: Maktab al-Islami.
- Zahrotul Oktaviani. 2021. Pendapat Syekh Ali Jum'ah Soal Orang Bunuh Diri.
- Zulkifli al-Bakri. 2022. Menyahjenayahkan Cubaan Membunuh Diri: Satu Pandangan. Retrieved from al-Mawaqif: <https://zulkiflialbakri.com/1-menyahjenayahkan-cubaan-membunuh-diri-satu-pandangan/>.